



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 2 (18)

3 April 2020

KEPADA SEMUA PENGGUNA PELABUHAN

Tuan / Puan

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG NO. 8/2020

LANGKAH-LANGKAH BAGI MEMASTIKAN PEMBEKALAN BARANGAN KEPERLUAN KEPADA RAKYAT TIDAK TERPUTUS SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) – KELULUSAN KEDUA PELEPASAN BARANGAN BUKAN KEPERLUAN ASAS DARI PELABUHAN (4 APRIL 2020 HINGGA 7 APRIL 2020)

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Kenyataan Media Y.B. Menteri Pengangkutan Malaysia bertarikh 3 April 2020 (rujuk Lampiran 1).

2. Pihak Pengimport dibenarkan untuk mengeluarkan barangan bukan keperluan asas (*non-essential cargoes*) dari pelabuhan termasuk gudang / CFS yang beroperasi di dalam kawasan pelabuhan bermula **4 April 2020 hingga 7 April 2020**). Langkah ini akan membolehkan pihak pelabuhan dan Operator Gudang / CFS mengurangkan masalah kesesakan agar operasi pelabuhan dan gudang tidak terjejas.

3. Permohonan bagi pengecualian Caj Penstoran (*Storage Charge*) dan Caj Pengalihan (*Removal Charge*) bagi barangan bukan keperluan asas (*non-essential cargoes*) yang diturunkan dari kapal (*discharge*) dan disimpan di pelabuhan pada 30 Mac 2020 hingga 7 April 2020 hendaklah dimajukan kepada Operator Terminal Northport dan Westports (rujuk Lampiran 2).

4. Pada masa yang sama, Operator Gudang / CFS yang beroperasi di dalam kawasan pelabuhan pula diminta untuk mempertimbangkan pengecualian Caj Penstoran (*Storage Charge*) dan Caj Pengalihan (*Removal Charge*) bagi barangan bukan keperluan asas (*non-essential cargoes*) yang disimpan di dalam gudang / CFS pada 30 Mac 2020 hingga 7 April 2020.

5. Sebarang pertanyaan bagi Caj *Demurrage* / Caj *Detention* hendaklah dimajukan terus kepada Syarikat Perkapalan yang berkenaan.

6. Kerjasama daripada pihak Tuan / Puan dalam perkara ini adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mn/josc



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

Jumaat, 3 April 2020

Untuk Siaran Segera

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

**TAJUK: FASA KEDUA PELEPASAN BARANGAN BUKAN
KEPERLUAN ASAS DI PELABUHAN-PELABUHAN UTAMA NEGARA**

Selepas mengadakan konsultasi bersama Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah bersetuju menambah empat (4) hari lagi bagi mempercepatkan kerja-kerja pelepasan kargo yang bertujuan mengelakkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama negara, bermula Sabtu, 4 April 2020.

Syarikat-syarikat yang menyimpan kargo mereka di Pelabuhan Klang, Johor, Pulau Pinang, Kuantan, Melaka, Bintulu, Sarawak dan Padang Besar yang bersempadan dengan Thailand digesa supaya segera memindahkan barangan bukan keperluan asas mereka keluar daripada pelabuhan mulai hari Sabtu, 4 April 2020 hingga Selasa, 7 April 2020.

Sepertimana keputusan terdahulu yang dibuat pada 26 Mac 2020, usaha ini terbukti berkesan mengurangkan kesesakan di pelabuhan-pelabuhan utama negara yang telah mencecah ruang kapasiti hampir 100%.

Walau bagaimanapun, untuk memastikan pergerakan yang lebih lancar dan terus memenuhi keperluan harian yang sangat diperlukan untuk isi rumah, kerja-kerja pelepasan barangan bukan keperluan asas di pelabuhan-pelabuhan utama negara ini perlu dipercepatkan dan perkembangannya akan dipantau dari semasa ke semasa.

Ia juga bagi memastikan pembekalan barangan keperluan asas kepada rakyat tidak terbantut sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Kedua yang dikuatkuasakan mulai 1 - 14 April 2020.

Melihat kepada respon positif kepada keputusan Kementerian, pelabuhan-pelabuhan milik kerajaan negeri di Sabah dan Sarawak juga telah membuat tindakan sama dengan membenarkan pelepasan barangan di pelabuhan-pelabuhan mereka sekaligus dapat mengurangkan kesesakan. Kementerian Pengangkutan telah pun berkongsi prosedur operasi standard (SOP) kepada pengendali-pengendali pelabuhan yang memohonnya sebelum ini termasuk negara-negara lain.

Langkah-langkah pelepasan barangan ini juga selari dengan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No. 2) 2020 yang berkuatkuasa sepanjang tempoh PKP Fasa Kedua dari 1 - 14 April 2020.

Selaras dengan pindaan yang telah dibuat terhadap Jadual Peraturan-Peraturan No. 2, perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan dan lapangan terbang serta pengangkutan melalui darat, air atau udara adalah merupakan suatu perkhidmatan perlu. Ini bermakna segala aktiviti serta proses dalam penyampaian perkhidmatan dan pengusahaan pelabuhan dan lapangan terbang serta pengangkutan darat, air dan udara adalah turut terjumlah sebagai perkhidmatan perlu.

Sebarang aduan / pertanyaan mengenai MOT boleh e-mel ke aduan@mot.gov.my, WhatsApp ke 019-2907723 atau layari laman web khusus (microsite) di pautan <http://cccovid19.mot.gov.my/>. Juga boleh hubungi talian Hotline MOT : 1800-88-7723 (8am-8pm) atau Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
3 APRIL 2020

- TAMAT -

Permohonan pengecualian Caj Penstoran (*Storage Charge*) dan Caj Pengalihan (*Removal Charge*) bagi kontena dan kargo perlu dimajukan kepada Operator Terminal seperti berikut:

NORTHPORT MALAYSIA BERHAD

Kontena:

Nama: En. Rajentheran Govindasamy
Emel: rajentheran@northport.com.my

Konvensional:

Nama: En. Ng Yuan Jie
Emel: yuanjie@northport.com.my

WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD

Kontena:

Nama: En. Sangkar Anamalai
Emel: shankar@westports.com.my

Konvensional:

Nama: En. Azhar Alwi
Emel: azhar@westports.com.my

Nama: Cik. Kamini Chandran
Emel: kamini@westports.com.my



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Web:<http://www.pka.gov.my>
Email:onestopagency@pka.gov.my

MS ISO 9001 : 2015 REG.NO: AR3579

(JABATAN ZON BEBAS & JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 2 (18)

3 April 2020

TO ALL PORT USERS

Dear Sir / Madam,

PORT KELANG AUTHORITY GENERAL MANAGER'S CIRCULAR NO. 8/2020

MEASURES TO ENSURE CONTINUOUS SUPPLY OF ESSENTIAL GOODS TO CONSUMERS THROUGHOUT THE MOVEMENT CONTROL ORDER (MCO) PERIOD – 2ND APPROVAL TO CLEAR NON-ESSENTIAL GOODS FROM THE PORT (4 APRIL 2020 TO 7 APRIL 2020)

We refer to the above subject matter and the Media Statement dated 3 April 2020 by Y.B. Minister of Transport Malaysia (refer Attachment 1).

2. Importers are allowed to clear non-essential cargoes from the port including warehouse / CFS operating within the port area **effective from 4 April 2020 to 7 April 2020**. This will help ease the congestion in the port and warehouses and ensure operations are not affected.

3. Request for Storage and Removal Charges waivers for non-essential cargoes which are discharged and stored in the port from 30 March 2020 to 7 April 2020 shall be submitted to the Terminal Operators Northport and Westports (refer Attachment 2).

4. Similarly, Warehouse Operators within the port are requested to consider Storage and Removal Charges waivers for non-essential cargoes that are stored in the warehouse / CFS from 30 March 2020 to 7 April 2020.

5. Enquiries on Demurrage / Detention Charges are to be directed to the respective Shipping Lines.

6. Your cooperation in this matter is high appreciated.

Thank you.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, consisting of a stylized initial 'K' followed by a long horizontal stroke.

(CAPT. K. SUBRAMANIAM)

General Manager
Port Klang Authority

mn/josc



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Friday, 3 April 2020
FOR IMMEDIATE RELEASE**

**PRESS RELEASE
MINISTER OF TRANSPORT**

**TOPIC: SECOND PORT CLEARING EXERCISE TO EXPEDITE
MOVEMENT OF CARGO FROM PORTS NATIONWIDE**

The Ministry of Transport has agreed after consultation with the National Security Council to allow freight forwarders and hauliers another four (4) days to expedite the movement of cargo from congested ports nationwide, starting Saturday, 4 April 2020.

Companies whose goods are stored at Port Klang, ports in Johor, Penang, Kuantan, Melaka, Bintulu, Sarawak and Padang Besar bordering Thailand are advised to move their goods out of those ports from Saturday, 4 April 2020 to Tuesday, 7 April 2020.

This follows an earlier decision announced on 26 March 2020, which had proven effective in greatly reducing near 100% congestion at major ports nationwide.

However, to ensure the smooth and continued flow of much-needed daily essentials for households, it has been proven necessary to conduct these port clearing exercises from time to time to allow companies to expedite the movement of their cargo.

This exercise ensures that essential goods are delivered unhampered to the communities that need them in the second phase of the Movement Control Order, which is in effect from 1-14 April 2020.

Based on the positive response shown by the Ministry's allowance to federal ports, state-owned ports including those in Sabah and Sarawak have proceeded to allow companies to expedite their goods out of their respective ports to reduce congestion and ensure essential goods reach their intended destinations. The Ministry has shared its standard operating procedures to those ports and those in foreign countries that had requested it.

This latest port clearing exercise is in line with the Prevention and Control of Infectious Diseases Act 1988 (Measures within the Infected Local Areas) (No. 2) Regulations 2020 which takes effect during the EMCO from 1 to 14 April 2020.

Pursuant to the amendments made to Regulations No. 2, port, dock and airport services and undertakings, and transportation by land, water, or air constitute essential services. This means that any activity and process in the supply chain of port, dock and airport services and undertaking and transportation by land, water or air are also deemed as essential services.

For further information, please contact our officers at aduan@mot.gov.my, 019-2907723 (WhatsApp), 1-800-88-7723 HOTLINE (8am-8pm), or log on to cccovid19.mot.gov.my. Alternatively, please call the National Operations Management Centre of the National Security Council at 03-88882010.

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
MINISTER OF TRANSPORT
3 April 2020

- END -

Request for Waiver on Storage Charges and Removal Charges for container and cargo shall be submitted to the Terminal Operator as follows:

NORTHPORT MALAYSIA BERHAD

Container:

Name: Mr. Rajentheran Govindasamy
Email: rajentheran@northport.com.my

Conventional:

Nama: Mr. Ng Yuan Jie
Email: yuanjie@northport.com.my

WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD

Container:

Name: Mr. Sangkar Anamalai
Email: shankar@westports.com.my

Conventional:

Name: Mr. Azhar Alwi
Email: azhar@westports.com.my

Name: Ms. Kamini Chandran
Email: kamini@westports.com.my